

30/09/1998

NITC pemangkin matlamat IT negara

Hizral Tazzif Hisham

MAJLIS Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC) perlu mengkaji peranan kerajaan dan sektor swasta serta sukarela, keperluan untuk memastikan capaian sejagat kepada maklumat, pembangunan teknologi dan cara memudahkan perdagangan elektronik bagi tempoh beberapa tahun akan datang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir yang juga pengerusi NITC, berkata rakyat Malaysia perlu menyesuaikan diri dan mengambil kesempatan daripada keupayaan teknologi maklumat (IT) kerana strategi perindustrian negara sahaja tidak dapat membantu mencapai status negara maju menjelang tahun 2020.

"IT boleh membantu kita mengubah cara bagaimana perniagaan dilakukan dan industri bertindak. Kita perlu mengubah suai dan mengambil peluang daripada kemajuan luar biasa ini," katanya di Kuala Lumpur, minggu lalu.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat membincangkan laporan penggal pertama NITC. Turut hadir ialah Setiausaha tetap NITC, Tengku Datuk Dr Mohd Azzman Shariffadeen dan Presiden Eksekutif MDC, Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah.

Dr Mahathir berkata, Malaysia melihat semua perkara itu sebagai satu peluang yang terbuka luas untuk terus mara ke depan dengan segera.

"Kita tidak boleh hanya terus memerhatikan kemajuan orang lain serta teknologi orang lain. Kita mesti mencari jalan untuk berada di barisan depan dalam kemajuan dunia."

"IT akan menyediakan kepada kita landasan untuk bergerak. IT akan memberi kuasa kepada rakyat Malaysia agar mereka boleh bersaing dengan dunia maju dan sekali gus membaiki mutu hidup mereka," katanya.

Beliau berkata, keperluan mewujudkan pemahaman jelas revolusi maklumat dan bagaimana ia boleh membaiki mutu kehidupan membawa kepada pembentukan NITC pada 1994.

"Kita dah bincang masa depan negara kita dalam era IT dan kita telah cuba menggambarkan dunia dan negara dalam zaman IT."

"Untuk mengkaji persepsi kita, kita menubuhkan lima Jawatankuasa iaitu E-Komuniti, E-Perkhidmatan Awam, E-Pendidikan, E-Ekonomi dan E-Kedaulatan," katanya.

"Jawatankuasa ini akan mengkaji perkara yang mungkin akan terjadi dengan adanya IT terhadap komuniti, perkhidmatan awam, pembelajaran, ekonomi dan kedaulatan."

Beliau berkata, pembentukan lebuhraya maklumat membolehkan semua jenis hubungan dan urusan niaga dijalankan dengan pantas yang mana ia adalah suatu perkara yang mustahil sebelum ini.

"Sebagai contoh, aliran masuk dana yang besar boleh berlaku dalam tempoh beberapa saat, merentasi sempadan dan tanpa mengambil kira kadar pertukaran serta halangan kawal selia lain," katanya.

Menurutnya, daya saing antarabangsa juga ditingkatkan kerana syarikat dan usahawan menggunakan Internet untuk mencapai pasaran global yang besar serta menghubungkan secara terus dengan pembekal, pengeluar, pengedar di samping menjimatkan masa dan ruang.

"Jaringan syarikat kecil dan besar boleh membawa masuk modal, teknologi baru dan canggih ke dalam negara serta membolehkan usahawan Malaysia memajukan produk dan perkhidmatan bertaraf dunia," katanya.

Beliau turut berpuas hati dengan kemajuan Koridor Raya Multimedia (MSC) yang mana menurut Perdana Menteri, MSC sudah mencapai kemajuan jauh daripada apa yang dijangkakan terutamanya di segi pelaburan dan

pembangunan.

Kini ada 175 syarikat berstatus MSC dengan pelaburan melebihi RM3 bilion daripada 242 permohonan. Buat masa sekarang, sebanyak 109 sedang beroperasi.

Katanya, angka itu mengatasi sasaran memandangkan MSC dijangka mempunyai 200 syarikat menjelang tahun 2000.

(END)